

16/10/2003

Hadi akui Dr Mahathir naikkan imej Malaysia

KUALA TERENGGANU: Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengakui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad banyak memberi sumbangan dalam pembangunan negara, termasuk menaikkan imej dan memperkenalkan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, Perdana Menteri adalah pemimpin yang berjaya memperkenalkan negara melalui suaranya di pentas antarabangsa, termasuk di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Pas menghormati Dr Mahathir sebagai pemimpin negara kerana beliau juga banyak memperkenalkan peraturan, termasuk memastikan kakitangan awam menepati waktu bekerja," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Wisma Darul Iman, semalam.

Ketika diminta mengulas kejayaan Dr Mahathir sebagai pemimpin disegani, Abdul Hadi enggan membuat penilaian kerana mendakwa masing-masing mempunyai kebaikan dan kelemahan.

Sementara itu, Abdul Hadi berkata, rakyat yang tidak mengundi Pas selepas pelaksanaan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang akan diwartakan pada 27 Oktober ini dianggap 'penjenayah' yang takut menerima hukuman.

Beliau yakin dan percaya undang-undang hudud akan menarik sokongan rakyat, manakala yang tidak mengundi Pas ialah penjenayah.

Sehubungan itu, katanya beliau juga yakin undang-undang hudud akan menarik sokongan rakyat untuk mengundi Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, kerajaan negeri akan tetap mewartakan enakmen berkenaan walaupun tanpa persetujuan Kerajaan Pusat kerana mendakwa pelaksanaan undang-undang syariah adalah mengikut bidang kuasa kerajaan negeri.

Ketika diminta mengulas laporan terbaru Harakah mengenai sikap mendewakan pemimpin, Abdul Hadi berkata, Islam membenarkan rakyat memuji pemimpin dalam perkara yang benar dan memuji berpada-pada dalam perkara yang diwajibkan dalam Islam.

Katanya, Pas tidak menggalakkan pemimpin didewakan dan pemimpin boleh dihukum oleh rakyat menerusi proses demokrasi.